



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna



PERBADANAN HARTA INTELAK MALAYSIA
INTELLECTUAL PROPERTY CORPORATION OF MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PESERTA KURSUS ANJURAN SYARIKAT SWASTA DIGESA DAFTAR DI MyIPO UNTUK DUDUKI PEPERIKSAAN EJEN PATEN BERDAFTAR

KUALA LUMPUR, 4 Julai 2019 – Kursus Persediaan Ejen Paten merupakan kursus yang dianjurkan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) bagi membantu calon-calon yang ingin menduduki Peperiksaan Ejen Paten sebelum menjadi ejen yang sah.

Terdapat juga syarikat swasta yang menganjurkan kursus yang sama, namun peserta kursus masih perlu mendaftar di MyIPO untuk menduduki peperiksaan tersebut. Ini adalah kerana MyIPO merupakan badan berkanun yang mempunyai bidang kuasa untuk mengiktiraf seseorang itu untuk menjadi ejen paten di Malaysia setelah lulus peperiksaan yang dikendalikan MyIPO.

Kursus yang dianjurkan MyIPO bertujuan memberi kefahaman dan meningkatkan pengetahuan berkaitan bidang harta intelek sebagai pra-syarat untuk menjadi ejen. Peserta kursus akan mempelajari subjek-subjek seperti berikut:

- i. Teknologi
- ii. Undang-undang dan Amalan Paten di Malaysia
- iii. Penderafan Paten
- iv. Undang-undang dan Amalan Cap Dagangan, Petunjuk Geografi dan Reka Bentuk Perindustrian di Malaysia
- v. Undang-undang dan Amalan Harta Intelek Luar Negara

Bimbingan diberikan oleh pegawai-pegawai MyIPO yang berpengalaman luas dalam mengupas dan memperhalusi topik serta silibus peperiksaan ejen paten. Kursus dijalankan selama lima hari di Akademi Harta Intelek dengan bayaran RM2,000 seorang.

-Lagi -

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat mengenai kursus ini boleh melayari laman sesawang MyIPO di www.myipo.gov.my.

#

Mengenai MyIPO

MyIPO, sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bertanggungjawab untuk pembangunan dan pentadbiran sistem hak harta intelek (IPR) di Malaysia. MyIPO menyediakan infrastruktur perundangan yang kukuh dan sistem pentadbiran yang berkesan untuk meningkatkan inovasi dan kreativiti. Untuk maklumat lanjut, layari www.myipo.gov.my.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

AKHTAR SAHARI, Ketua Komunikasi Korporat MyIPO

Tel: 012 6725667